



FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

GARIS PANDUAN

**Pembiayaan Menghadiri Persidangan
Dalam dan Luar Negara Menggunakan Peruntukan Persidangan Fakulti**

A. PENGENALAN

Garis panduan ini menerangkan tatacara pembiayaan menghadiri persidangan dalam dan luar negara menggunakan peruntukan persidangan fakulti. Istilah persidangan juga merangkumi seminar, forum, simposium, bengkel dan lain-lain yang dipertimbangkan sesuai oleh jawatankuasa persidangan fakulti. Garis panduan ini merangkumi permohonan sebagai pembentang kertas kerja dan sebagai peserta.

B. PEMBENTANG KERTAS KERJA

1. Peruntukan maksimum setahun bagi setiap staf akademik untuk menghadiri persidangan adalah RM7,000.00 tertakluk kepada jumlah peruntukan menghadiri persidangan Fakulti. Peruntukan maksimum menghadiri persidangan dalam negara adalah RM4,000.00 daripada jumlah maksimum setahun.
2. Peruntukan tambahan sebanyak RM1,000.00 setahun akan diberikan sekiranya pemohon berjaya menerbitkan artikel (tanpa mengira bilangan terbitan) dalam jurnal terindeks pada tahun sebelum atau tahun semasa permohonan. Salinan penerbitan tersebut perlulah disertakan bersama borang permohonan menghadiri persidangan.
3. Setiap pemohon boleh menghadiri beberapa kali persidangan luar negara dan dalam negara tertakluk kepada peruntukan pada klausa 1 dan klausa 2.
4. Staf akademik kontrak atau bercuti sabatikal layak memohon peruntukan persidangan untuk membentangkan kertas kerja sekiranya ia berkaitan dengan penyelidikan yang sedang dijalankan.
5. Staf akademik yang dilantik sebagai pengajar khas atau tutor/felo tidak layak memohon peruntukan persidangan Fakulti untuk membentangkan kertas kerja.
6. Pemohon yang telah menerima pembiayaan Fakulti perlu mengemukakan pembuktian penghantaran artikel yang telah dibentang ke jurnal terindeks untuk diwasit dalam tempoh enam (6) bulan selepas menghadiri persidangan.
7. Pemohon yang tidak memenuhi klausa 6 tidak layak untuk dipertimbangkan untuk permohonan seterusnya.
8. Staf akademik yang sedang bercuti belajar atau sedang mengikuti pasca kedoktoran adalah termaktub kepada sub-klausa di bawah:

- 8.1 Peruntukan maksimum setahun bagi membentangkan kertas kerja di persidangan dalam dan luar negara adalah RM4,000.00 tertakluk kepada jumlah peruntukan menghadiri persidangan Fakulti.
- 8.2 Staf akademik yang sedang bercuti belajar atau sedang mengikuti pasca kedoktoran di luar negara tidak layak dipertimbangkan untuk membentangkan kertas kerja di persidangan di Malaysia.
- 8.3 Staf akademik yang sedang bercuti belajar atau sedang mengikuti pasca kedoktoran hanya akan diberi peruntukan untuk membentangkan kertas kerja sekiranya ia berkait dengan penyelidikan yang sedang dijalankan. Pemohon perlu mengemukakan surat perakuan penyelia tentang kepentingan penglibatan dalam persidangan tersebut.
- 8.4 Pemohon perlu mengemukakan pembuktian penghantaran artikel yang telah dibentangkan ke jurnal terindeks untuk diwasit dalam tempoh enam (6) bulan selepas menghadiri persidangan.
- 8.5 Pemohon yang tidak memenuhi klausa 8.4 tidak layak untuk dipertimbangkan untuk permohonan seterusnya.
9. Permohonan yang lengkap perlu diterima oleh urusetia sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Persidangan Fakulti yang terdekat diadakan. Rujuk Lampiran 1.
10. Pemohon perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Persidangan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh persidangan tersebut.
11. Pemohon boleh menggunakan peruntukan tahun semasa untuk memohon menghadiri persidangan pada tahun berikutnya terhad kepada persidangan yang dianjurkan pada bulan Januari sahaja.
12. Permohonan menghadiri persidangan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Persidangan Fakulti berdasarkan kriteria berikut:
 - 12.1 Persidangan yang dihadiri adalah persidangan yang berkualiti dan tidak diragui penganjurannya.
 - 12.2 Pemohon perlu membentangkan kertas kerja sendiri dalam sesi pembentangan. Permohonan pembentangan secara poster tidak layak dipertimbangkan kecuali dengan budi bicara Jawatankuasa Persidangan.
 - 12.3 Kertas kerja yang dibentangkan adalah berkualiti.
13. Permohonan yang tidak memenuhi mana-mana klausa di atas tidak akan dipertimbangkan.

C. PESERTA

1. Peruntukan maksimum setahun bagi setiap staf akademik ke persidangan dalam negara sebagai peserta adalah RM1,000.00 tertakluk kepada klausa B (1).
2. Keutamaan akan diberi kepada staf akademik yang berkhidmat tidak melebihi 5 tahun.
3. Persidangan yang dihadiri hendaklah berkait dengan bidang pengajaran atau penyelidikan pemohon.
4. Staf akademik yang sedang bercuti belajar, bercuti sabatikal, mengikuti pasca kedoktoran, dan yang dilantik sebagai pengajar khas atau tutor tidak layak memohon peruntukan persidangan sebagai peserta.

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN DENGAN PEMBIAYAAN FAKULTI

